



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web : www.mof.gov.my

SULIT

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-16/6/1 JLD.10 (3)
Tarikh : 31 Oktober 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. / Tan Sri / Dato' Seri / Dato' Sri / Dato' / Datuk / Datuk Wira / Tuan / Puan,

**KONTRAK PUSAT MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KERTAS A4 PUTIH 80 GSM
UNTUK KEGUNAAN AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Dengan hormat dan takzimnya sukacita saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Kementerian Kewangan telah mengemaskini harga bagi Kontrak Pusat Membekal Dan Menghantar Kertas A4 Putih 80 gsm untuk Kegunaan Agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia bagi tempoh tiga (3) tahun yang bermula pada 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027. Bermula pada 1 November 2025, harga terkini bagi satu (1) rim kertas adalah sebanyak RM12.04. Pelarasan harga terkini telah dibuat pindaan pada Pekeliling Perbendaharaan(PP)/Perolehan Kerajaan(PK) 2.5/Lampiran 3.

3. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri / Dato' Seri / Dato' Sri / Dato' / Datuk / Datuk Wira / Tuan / Puan adalah dipohon untuk memaklumkan kepada Jabatan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia yang di bawah seliaan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJAH NORISON BINTI RAMLI)

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia